

BAB 1

PENGENALAN

1.1 Pengenalan

Bab ini memperihalkan objektif, signifikan kajian dan memperincikan perbincangan mengenai takrifan belia dari pelbagai sudut perbincangan. Ia juga memperkenalkan latar belakang skop kajian yang tertumpu kepada belia Felda, *Federal Land Development Authority* (Lembaga Kemajuan Tanah dan Persekutuan).

1.2 Takrifan Belia

Ahli psikologi perkembangan Barat sebenarnya masih belum mencapai kata sepakat apabila menentukan golongan yang dikatakan remaja. Di negara kita, golongan berpendidikan tinggi lebih cenderung membuat sedikit perbandingan di antara remaja dan belia. Walaupun perbezaannya masih belum jelas tetapi ia dapat memberi gambaran perbandingan di antara dua istilah itu.

Kamus Dewan (2000:1121) menjelaskan, remaja bermaksud mulai dewasa, sudah akil baligh dan sudah cukup umur berkahwin. Ada banyak pengertian yang dapat dihuraikan apabila perkataan remaja dibincangkan. Walau bagaimanapun, banyak pihak bersetuju, tahap remaja adalah tahap umur berkembang dan melibatkan sesetengah perubahan. Antara orang yang mula menghuraikan perkembangan ini adalah G. Stanley Hall (1846-1924). Beliau menyatakan, tahap remaja adalah tahap 'ribut dan tekanan' melanda para remaja, kesan daripada faktor biologi dan psikologi yang berubah. Beliau dapati pada tahap ini, remaja mengalami rasa kecewa, emosinya tidak stabil dan tidak dapat menyesuaikan emosinya. Beliau juga menganggap proses berkembang yang berlaku pada individu remaja tidak dipengaruhi oleh aspek luaran mahupun persekitaran. Buktinya, ibu bapa sering bermasalah apabila berdepan dengan remaja. Perkara ini

cuma satu pandangan daripada banyak pandangan ataupun teori yang dikemukakan oleh pakar psikologi (Shaikh Mohd Saifudden, 2001).

Takrifan belia dalam teori Fikah, yang mengkategorikan manusia dalam empat tahap berdasarkan tanggungjawab hukum yang dituntut ke atas setiap diri individu, iaitu:

- i. Anak-anak di bawah umur.
- ii. Pra-dewasa atau remaja tanggungan.
- iii. Dewasa, akil baligh.
- iv. Orang tua yang tidak dikenakan tanggungjawab hukum.

Takrif belia menurut Kementerian Belia dan Sukan, Malaysia dalam kertas kerja “Cadangan Dasar Pembangunan Belia Negara” (1995), belia ialah orang yang berumur antara 15 hingga 40 tahun dengan alasan-alasan berikut:

- i. Ia adalah takrif Majlis Belia Malaysia 1985.
- ii. Ia dianggap golongan yang sudah mencapai taraf matang yang memuaskan dan dapat menerima manfaat maksimum daripada rancangan-rancangan yang disusun.
- iii. Ia adalah sebahagian besar daripada jumlah rakyat negara ini. Apa-apa usaha bagi membina masyarakat, meninggalkan kesan secara menyeluruh.

Kementerian Belia dan Sukan dalam “Draf Kajian Semula Dasar Belia Negara” mentakrifkan belia sebagai “mereka yang berumur antara 15 hingga 25 tahun.” Alasannya, ia selaras dengan takrif yang diberikan oleh Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu (PBB) dan diguna pakai oleh banyak negara (Kementerian Belia dan Sukan). Menurut Commonwealth Youth Secretariate (1993), umur belia di sebahagian negara-negara anggotanya adalah seperti berikut:

1. Bangladesh: 15 hingga 30 tahun
2. Brunei Darussalam: 15 hingga 35 tahun
3. India: 15 hingga 34 tahun

4. Hong Kong: 10 hingga 24 tahun
5. Pakistan: 18 hingga 30 tahun
6. Singapura: 15 hingga 30 tahun

Azizan Bahari (1995) mengatakan, definisi sekarang yang menyatakan lingkungan umur antara 15 hingga 40 tahun sebagai belia itu adalah luas. Barangkali yang sesuai adalah antara 13 hingga 30 tahun. Ia adalah satu lingkungan umur yang sesuai dipanggil belia, walaupun masih terdapat beberapa hal yang berbeza daripada aspek tahap bersekolah, mencari kerja, memulakan kerjaya, berkenalan, mencari pasangan hidup, berumah tangga dan sebagainya. Biasanya, individu yang berusia lebih daripada 30 tahun sudah berkeluarga. Manakala mereka yang berusia lebih daripada 35 tahun, meletakkan kerjaya di samping masa depan keluarga sebagai fokus hidup. (<http://www.idesa.net.my/modules/news/index.php?storytopic=2&start=60>).

Namun, menurut pandangan Menteri Belia dan Sukan Malaysia, Datuk Azalina Othman Said, perkataan 'belia' itu boleh dikategorikan kepada dua iaitu 'belia' dan 'belia remaja'. Belia ialah golongan yang berusia di bawah 40 tahun manakala belia remaja pula ialah golongan yang berusia 25 tahun dan ke bawah. Bagi golongan yang berusia 25 tahun ke bawah ini juga dikenali sebagai Rakan Muda (Utusan Malaysia, 13 Mei 2005).

Dasar Belia Negara pula menjelaskan bahawa golongan belia boleh dikategorikan berumur antara 15 hingga 40 tahun, yang merupakan 42.1% daripada penduduk Malaysia yang berjumlah 23.27 juta orang pada tahun 2000.

Perbincangan berikutnya akan memperincikan skop kajian yang telah dipilih bagi mendapatkan sampel kajian.

1.3 Latar Belakang Kajian

Telah banyak yang diperkatakan tentang belia Melayu di luar bandar. Adakah mereka bersedia untuk mengharungi era dan zaman globalisasi dan keperluan pekerjaan masa kini? Isu ini telah menjadi tema perbualan dan perbincangan di dada akhbar terutama belia-belia di kawasan Felda yang dikatakan terjebak dengan penggunaan dadah. Perbincangan ini disokong pula dengan peratusan yang rendah kemasukan belia luar bandar yang berjaya memasuki menara gading dan juga peratus pengambilan bekerja di sektor swasta yang bertaraf multinasional amatlah kurang. Dimanakah kekurangan belia ini dan apakah terdapat jurang perbezaan yang signifikan di antara belia perempuan dan belia lelaki luar bandar? Isu ini harus dikenalpasti kerana melihat kepada peratusan pelajar yang memasuki IPTA peratus kemasukan belia lelaki Melayu ke IPTA amat kurang dibandingkan dengan belia perempuan.

Di dalam era globalisasi ini, penguasaan Bahasa Inggeris dan kemahiran menggunakan teknologi maklumat amatlah penting untuk menjadi warga Malaysia yang berpengetahuan dan tergolong sebagai generasi Net. Generasi Net inilah yang akan mencorak perubahan dari segi penggunaan teknologi maklumat di dalam kehidupan sehari-hari. Generasi Net ini adalah mereka yang membuat transaksi, mendapatkan perkhidmatan dan mendapatkan ilmu dengan penggunaan internet dan bahan ICT secara berterusan. Kemahiran-kemahiran ini juga dituntut oleh sektor pekerjaan dan amatlah bersesuaian dan tepat masanya untuk menjalankan kajian dan menilai tahap literasi komputer kaum belia di Malaysia dalam konteks ini.

1.4 Objektif Kajian

Objektif kajian ini dijalankan adalah untuk;

- i. Menilai tahap literasi komputer dan sejauh mana bersedianya kaum belia di kawasan Felda terhadap penggunaan ICT dalam 5 bahagian, Word, Excel, Powerpoint, Internet dan juga Grafik dan multimedia.
- ii. Menilai Pengetahuan ICT belia Felda.
- iii. Menilai keperluan latihan ICT belia Felda.
- iv. Menilai jika terdapat perbezaan yang signifikan diantara belia Felda lelaki dan perempuan dari segi pengetahuan ICT.

1.5 Persoalan Kajian

Persoalan bagi kajian yang dijalankan ini merujuk kepada kesediaan belia dalam segi pengetahuan ICT yang mereka ada. Berikut adalah persoalan kajian yang akan dikaji;

- i. Sejauhmana bersedianya belia terhadap penggunaan ICT
- ii. Sejauhmana pengetahuan ICT di kalangan belia di kawasan Felda.
- iii. Sejauhmana keperluan latihan ICT di kalangan belia Felda
- iv. Sejauhmana perbezaaan pengetahuan ICT di antara belia Felda lelaki dan perempuan

1.6 Signifikan Kajian

Dapatan kajian ini dapat membantu pembangunan modul latihan ICT untuk belia di kawasan Felda dan dapat membantu mereka bersedia untuk mengaplikasikan kemahiran ICT di institusi pengajian tinggi dan juga di tempat kerja. Dapatan ini juga dapat membantu Kementerian Belia dan Sukan meneliti dan mendapat data kesediaan ICT belia di luar bandar dan seterusnya menggubal polisi dan program latihan untuk mereka. Pusat Kajian E-Komuniti UKM bersedia untuk membantu Kementerian dari segi latihan ICT untuk belia ini di masa akan datang. Kepakaran yang sedia ada di kalangan pensyarah yang menjadi ahli Pusat Kajian ini di FSSK

UKM akan digembeling untuk membantu belia bergerak maju dalam penguasaan ICT dan seterusnya melahirkan generasi yang berpengetahuan dan generasi NET di Malaysia.

1.7 Latar Belakang Felda

Lembaga Kemajuan Tanah Persekutuan atau lebih dikenali sebagai Felda adalah sebuah agensi pembangunan tanah yang utama di Malaysia. Felda telah ditubuhkan pada 1 Julai 1956 di bawah Akta Kemajuan Tanah 1956 hasil daripada syor Jawatankuasa Kerja Kerajaan.

Tujuan Felda ditubuhkan pada masa itu adalah untuk membantu pihak kerajaan melaksanakan rancangan pembangunan kawasan pedalaman dan membantu meningkatkan status ekonomi serta taraf hidup masyarakat di kawasan luar bandar. Pada asalnya, Felda berfungsi sebagai sebuah lembaga yang menguruskan dan menyalurkan bantuan kewangan kepada Kerajaan Negeri untuk melaksanakan rancangan pembangunan tanah di negeri masing-masing, selain daripada menyelaraskan pembangunan tanah di negeri berkenaan termasuk perpindahan penduduk antara negeri. Kemudian fungsi Felda telah diperluaskan oleh kerajaan dan mulai tahun 1961, Felda telah diamanahkan oleh kerajaan untuk melaksanakan sendiri rancangan-rancangan pembangunan tanah dan pembangunan penempatan di seluruh negara. Sehingga kini, Felda telah membuka dan membangunkan lebih kurang 480 buah kawasan baru berjumlah seluas 853,313 hektar yang dijadikan sebagai kawasan pertanian, perladangan dan penempatan. Seramai 104,946 jumlah orang telah dipilih sebagai peneroka daripada kalangan masyarakat pedalaman dan luar bandar yang miskin dan tidak bertanah. Mereka dan keluarga mereka masing-masing semuanya telah ditempatkan semula di penempatan-penempatan baru. (http://www.felda.net.my/felda/fel_pejRancangan.asp)

Pembangunan tanah dan pembangunan penempatan di kawasan pedalaman, yang mana merupakan sebahagian besar daripada kawasan di Malaysia pada masa itu, telah membawa kepada perkembangan pembangunan ekonomi dan sosial serta membawa kepada kestabilan

politik negara pada masa kini. Melalui rancangan-rancangan pembangunan tanah dan penempatan yang dilaksanakan, Felda telah dapat membantu meningkatkan taraf hidup masyarakat luar bandar serta dapat merapatkan jurang perbezaan kualiti hidup antara penduduk bandar dan luar bandar.

1.7.1. Program Pembangunan Masyarakat.

Tahun 2006 sangat signifikan bagi Felda. Pada tanggal Julai 2006, genaplah 50 tahun usianya, lantaran bermulalah penerokaan era baru untuk tempoh 50 tahun kedua dengan seabad kewujudannya. Felda akan melangkah ke arah menjadi pemain utama dalam setiap bidang yang diceburi dan akan melonjakkan penglibatannya hingga ke persada antarabangsa. Dengan menggunakan pengalaman luasnya, Felda serta kumpulan syarikat dibawah Felda Holdings berpotensi untuk menjulang dirinya ke tahap "*world class player*" dalam industri sawit bahkan dalam kegiatan penerokaan baru seperti industri herba dan bio-diesel. Kerajaan telah memberi kepercayaan kepada Felda untuk membantu negara melahirkan masyarakat perdagangan dan perindustrian bumiputera. Harapan ini tidak mustahil menjadi kenyataan kerana di rancangan Felda terdapat kelebihan dan kekuatan tertentu untuk mendorong peneroka berjaya dalam bidang ini.

Kebelakangan ini, modal insan menjadi tumpuan pelbagai pihak sama ada kerajaan, swasta mahupun pertubuhan bukan kerajaan kerana ia berperanan besar dalam menentukan kejayaan sesuatu masyarakat ataupun organisasi. Satu peruntukan besar telah diperuntukkan untuk melaksanakan program seperti latihan kemahiran anak-anak peneroka, skim tuisyen untuk pelajar sekolah, bantuan pelajaran tinggi dan Tabung Minda, latihan untuk peneroka dan sebagainya. Beberapa institusi latihan baru diwujudkan dan yang sedia ada diperluaskan kapasitinya untuk menampung keperluan semasa. Kawasan rancangan juga dilengkapi dengan infrastruktur-infrastruktur seperti dewan serbaguna dan kompleks sukan untuk kemudahan penduduk untuk beriadah dan bersosial. Selain menyediakan warga yang berpengetahuan,

berkemahiran dan juga berdisiplin, ianya juga dapat mengekang masalah sosial yang selama ini mengganggu ketenteraman hidup masyarakat rancangan.

Program Pembangunan Masyarakat Felda dilaksanakan untuk mewujudkan masyarakat peneroka yang produktif, berdisiplin, maju jaya, berdaya saing dan sejahtera. Tumpuan juga diberikan kepada bidang pendidikan, keharmonian masyarakat, kepimpinan, institusi keluarga dan pembangunan generasi baru. Pada tahun 2005, program Skim Tuisyen Felda (STF) telah dilaksanakan untuk pelajar tahun 5 dan 6 serta tingkatan 3 dan 5 yang melibatkan 68,484 orang pelajar di seluruh rancangan. Keputusan UPSR pada tahun 2005 telah menunjukkan kurang peningkatan di mana peratus kelulusan cuma meningkat sebanyak 0.6% sahaja iaitu 65.3% berbanding dengan 64.7% pada tahun 2004. Pencapaian bertambah 0.8% iaitu 4.8% berbanding dengan 4.0% pada tahun 2004. Walau bagaimanapun, ianya masih di bawah peratus kelulusan nasional iaitu 69.81% dan cemerlang sebanyak 7.3%.

Pencapaian PMR pada tahun 2005 pula menunjukkan peratusan lulus telah meningkat sebanyak 8.1 % dan sebanyak 53.7% pada tahun 2004 kepada 61.8% pada tahun 2005. Pencapaian cemerlang juga telah meningkat 1.5% daripada 0.54% pada tahun 2004 kepada 2.0% pada tahun 2005. Namun begitu, pencapaian PMR pada tahun 2005 masih berada di bawah peratus kelulusan nasional iaitu sebanyak 64.9% dan cemerlang pula sebanyak 4.9%. (Laporan Tahunan Felda, 2006)

1.7.2. Latihan Kemahiran Generasi Baru

Bidang kemahiran juga menjadi tumpuan utama program pembangunan masyarakat. Seramai 5,294 generasi baru telah diberi latihan kemahiran dalam pelbagai bidang di Pusat Latihan Trolak (ICTU) dan 38 pusat latihan swasta. Felda telah menghantar seramai 483 generasi baru untuk mengikuti kursus pengajian peringkat diploma dalam pelbagai bidang di Kolej Universiti Lim Kok Wing.

1.7.3. Bantuan Pendidikan

Pelbagai kemudahan bantuan pendidikan ditawarkan kepada para pelajar iaitu kemudahan Tabung Pinjaman Pelajaran Tinggi Anak-anak Peneroka, Dana Khas pelajar cemerlang ke luar negara, geran bantuan kemasukan pelajar ke IPTA/IPTS di dalam negeri dan juga Tabung Modal Insan Felda (MINDA) yang dilancarkan dan akan diaktifkan pada tahun 2006.

1.7.4. Keharmonian Masyarakat

Masyarakat peneroka memerlukan sebuah kepimpinan yang kukuh dan mantap dalam melaksanakan aktiviti di rancangan untuk kesejahteraan dan keharmonian. Sasaran untuk menggiatkan semua peranan badan peneroka terutamanya JKRR, GPW dan Persatuan Belia akan dilaksanakan bagi memantapkan lagi badan-badan tersebut di rancangan. Peranan bersepadu untuk menceriakan kawasan perkampungan, menangani isu-isu kemasyarakatan dan mengawal keselamatan akan diberikan keutamaan. Pusat Khidmat Kaunseling akan ditubuhkan untuk memberi khidmat nasihat kepada warga Felda.

1.7.5. Generasi Baru di Felda

Aktiviti di kalangan generasi baru yang berfaedah terus digalakkan seperti mewujudkan pasukan koir, pasukan kompang, nasyid, kelab bola sepak, bola jaring dan Rakan Muda. Aktiviti ini diadakan untuk membendung generasi belia daripada terlibat dengan masalah-masalah sosial kepada masyarakat rancangan.

1.8 Program Kecemerlangan Pendidikan Felda

Program Kecemerlangan Pendidikan menjadi teras agenda pembangunan masyarakat iaitu melaksanakan Skim Tuisyen Felda (STF) bekerjasama dengan Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM) yang telah dilaksanakan mulai bulan April 2005 untuk pelajar-pelajar UPSR, PMR dan SPM di 362 sekolah kebangsaan dan menengah. Sejumlah RM27 juta telah diperuntukkan bagi tujuan ini.

Dalam tahun 2005 seramai 5,900 generasi baru telah ditawarkan peluang mengikuti latihan kemahiran di Institusi Teknologi Utama (ICTU), Pusat Latihan Trolak (PLT) dan 38 buah pusat latihan dan kolej swasta. Seramai 5,294 orang telah melapor diri termasuk seramai 483 pelatih mengikuti program diploma dalam pelbagai bidang di Kolej Universiti Lim Kok Wing. Sejumlah RM24 juta telah dibelanjakan bagi program ini.

Antara program-program yang dijalankan untuk meningkatkan kecemerlangan pendidikan belia Felda adalah seperti berikut;

- i. Projek Kecemerlangan akan ditumpukan kepada pelaksanaan Skim Tuisyen Felda (STF) yang melibatkan lebih kurang seramai 65,000 orang pelajar. Mereka adalah terdiri daripada pelajar tahun 5, tahun 6, tingkatan 3 dan juga 5.
- ii. Matlamat yang disasarkan untuk meningkatkan pencapaian peperiksaan UPSR, PMR dan SPM ialah sebanyak 100% lulus dan 6% cemerlang.
- iii. Kerjasama dan pemuafakatan antara Jabatan Pelajaran dengan Biro Pendidikan Peneroka di rancangan akan ditingkatkan. Komitmen ibu bapa juga dititikberatkan dalam program ini untuk memberi sokongan padu ke arah kecemerlangan pendidikan
- iv. Bengkel kepada ibu bapa dan pelajar akan diadakan pada setiap suku tahun di setiap wilayah iaitu pada awal tahun, pertengahan dan dua bulan sebelum peperiksaan bermula.

1.9 Program Menangani Masalah Sosial

- i. Kursus Bina Insan akan dilaksanakan adalah bertujuan untuk membentuk sikap yang berteraskan nilai-nilai murni dan pembangunan sahsiah yang seimbang dari segi jasmani, emosi, rohani dan intelek.
- ii. Kumpulan sasar yang akan dilatih untuk mengikuti kursus ini adalah generasi baru lepasan sekolah yang berumur antara 16 hingga 25 tahun serta juga lulusan SPM

yang menganggur di rancangan. Sepuluh sesi kursus akan diadakan dengan penglibatan 2,000 generasi baru.

- iii. Aktiviti sukan dan kebudayaan akan dipergiatkan lagi di semua rancangan supaya masa yang terluang akan digunakan oleh generasi baru untuk aktiviti yang bermanfaat dan menjauhkan diri mereka dari terjebak dalam aktiviti yang kurang sihat dan merugikan seperti penyalahgunaan dadah.
- iv. Mempergiatkan aktiviti pemantauan masalah gejala sosial di peringkat rancangan melalui kerjasama dengan agensi luar seperti Agensi Anti Dadah Kebangsaan (AADK), Polis Diraja Malaysia, Kementerian Kesihatan dan sebagainya.

1.9.1. Latihan Kemahiran Generasi Baru

- i. Latihan kemahiran yang dirancang adalah untuk meningkatkan tahap latihan dari tahap pertama kepada tahap kedua. Seramai 5,000 orang generasi baru akan diberi latihan tahap pertama dan 2,500 orang pada tahap kedua.
- ii. Bidang latihan baru yang akan diperkenalkan ialah Kejuruteraan Penerbangan dan Marin.
- iii. Mekanisasi pemantuan akan dibentuk bagi memastikan pelatih yang telah melaksanakan latihan akan memanfaatkan kemahiran yang diperolehi dalam bidang yang berkaitan.
- iv. Kerjasama dengan Institusi Latihan akan diteruskan dan diperkukuhkan.

1.10 Program Keusahawanan - Tabung MINDA

- i. Sumbangan permulaan RM1 juta oleh Felda akan dipertingkatkan sehingga dana mencapai RM30 juta. Penerangan dan kempen untuk mencapai hasrat ini akan diusahakan terutamanya oleh JKKR kerana ia memberi manfaat kepada warga Felda itu sendiri ke arah kualiti hidup yang lebih cemerlang.

- ii. Warga Felda yang telah berjaya digalakkan untuk memberi sumbangan sebagai menabur budi kepada program pembangunan insan warga Felda.

1.10.1. Latihan Usahawan

Latihan kepada pengusaha kontrak pertanian dibahagikan kepada 3 kumpulan utama iaitu:

- i. Graduan – program ini adalah kerjasama dengan Felda Plantations untuk melatih seramai 100 orang graduan yang terdiri daripada anak-anak peneroka yang belum bekerja. Mereka dilatih dan diberikan pendedahan tentang aktiviti pertanian dan pengurusan buruh sehingga mereka layak menjadi kontraktor pertanian.
- ii. Kontraktor Bumiputera – Latihan yang diberikan adalah untuk meningkatkan prestasi mereka dalam bidang pertanian. Program ini adalah kerjasama Felda Plantations, Felda Technoplant dan Pusat Kontraktor (PKK) dan Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM).
- iii. Koperasi – Sebanyak 17 buah koperasi akan terlibat daripada Wilayah Johor Bahru, Temerloh, Kuantan, Seremban, Ipoh dan Segamat. Program ini adalah salah satu lagi aktiviti dengan kerjasama Felda Technoplant Sdn. Bhd.

1.11 Saluran Informasi Dan Komunikasi

Felda adalah sebuah agensi yang terlibat bukan hanya dalam pembangunan tanah bahkan juga pembangunan insan. Proses penerimaan, pengendalian dan penghantaran maklumat daripada Felda kepada pihak lain merupakan salah satu aspek penting untuk memastikan imej Felda sentiasa unggul dan berkekalan hingga ke tempoh 50 tahun kedua Felda. Siaran radio atau Suara Felda Ke Udara (SFKU) disiarkan setiap hari Selasa, Rabu dan Ahad dari jam 5.00 hingga 6.00 petang, manakala hari Jumaat dan Sabtu dari jam 9.00 hingga 10.00 pagi merupakan salah satu media utama sebaran maklumat.

Penerbitan majalah ICT-Jelas sebanyak 4 keluaran telah dibuat untuk meningkatkan kefahaman warga FELDA manakala penerbitan majalah Pengurus khusus untuk petugas FELDA juga sebanyak 4 keluaran bagi tahun 2005. Penyediaan infrastruktur yang lengkap mengikut sasaran adalah penting dalam menangani cabaran informasi dan komunikasi hari ini. Tumpuan diberikan kepada penyebaran maklumat yang terkini, tepat dan mengenai perkembangan terbaru di dalam FELDA untuk mengelakkan dari timbulnya isu yang berpunca dari salah faham atau kekurangan maklumat di kalangan kumpulan sasaran. Kumpulan sasaran utama yang menjadi tumpuan cabaran saluran maklumat ialah peneroka, petugas dan pelanggan FELDA. Media sebaran yang akan digunakan iaitu saluran percetakan, saluran elektronik/siaran dan saluran komunikasi bersemuka.

1.11.1. Majalah ICT – Jelas FELDA

- i. Sasaran kepada warga FELDA dan diterbitkan 3 bulan sekali.
- ii. Menyalurkan maklumat terkini perkembangan FELDA.
- iii. Menjadi pendorong ke arah perubahan di kalangan warga FELDA.

1.11.2. Suara FELDA Ke Udara (SFKU)

- i. Sasaran kepada warga FELDA dan orang awam.
- ii. Disiarkan 5 kali seminggu (Selasa, Rabu, Jumaat, Sabtu dan Ahad dari jam 5.00 petang hingga 6.00 petang).
- iii. Akan menghebahkan semua peristiwa penting dan program-program yang dilaksanakan oleh pengurusan FELDA.
- iv. Mendapatkan berita siaran mengenai program-program yang diatur di peringkat wilayah dan rancangan menggunakan Borang Hebahan dan emel.

1.11.3. Buletin Felda

- i. Petugas dan warga Felda perlu disalurkan dengan maklumat terkini secara cepat dan telus supaya mereka lebih bersedia mengharungi dunia zaman ICT yang penuh cabaran ini.
- ii. Buletin Felda akan diterbitkan dan diedarkan kepada petugas dan warga Felda setiap bulan.
- iii. Mengandungi laporan aktiviti dan pekeliling-pekeliling Felda secara ringkas untuk membantu kumpulan sasaran ini mendapat maklumat dan informasi terkini serta dapat membantu mengelakkan kekeliruan.

1.11.4. Skrin Elektronik dan Laman Web

- i. Penggunaan skrin elektronik dan laman web akan dipertingkatkan kualiti dan paparannya.
- ii. Maklumat yang sedia ada akan dikemas kinikan dari masa ke semasa atau sekurang-kurangnya sekali sebulan. Gaya persembahan yang menarik dan lebih berinformatif akan dilaksanakan dengan bantuan Felda Prodata.
- iii. Laman web menggunakan Bahasa Malaysia dan Inggeris akan dibuat untuk kemudahan pelanggan Felda dari dalam dan luar negara.

BAB 2

BELIA DAN APLIKASI TEKNOLOGI MAKLUMAT

2.1 Pengenalan

Bab ini akan memfokuskan perbincangan mengenai pengaplikasian teknologi maklumat (ICT) di kalangan belia Felda. Perbincangan juga akan menjuruskan kepada kepentingan belia sebagai modal insan yang ditekankan dalam pembentangan RMK-9 serta matlamat ringkas syarikat ICT yang dipertanggungjawabkan untuk melatih warga Felda mahir ICT akan dibincangkan.

2.2 Belia Dan ICT

Belia ada merupakan golongan yang paling aktif dalam masyarakat. Statistik menunjukkan bahawa golongan di bawah umur 35 tahun adalah hampir lebih daripada separuh jumlah penduduk negara Malaysia. Maka tenaga belia menjadi sumber yang penting bagi pembangunan negara dan merupakan golongan yang akan menentukan hala tuju pembangunan dan corak pimpinan negara akan datang. Jesteru, belia perlu menyiapkan diri mereka dengan pelbagai ilmu terutamanya ilmu yang berkaitan dengan ICT yang dapat membantu untuk menjenerasikan masyarakat yang berpengetahuan.

Pemilikan dan pengaplikasian peralatan Teknologi Komunikasi Maklumat (ICT) komputer adalah suatu keperluan memandangkan negara kita bergantung kepada peralatan tersebut untuk mendapatkan dan menyalurkan maklumat bagi tujuan pembangunan dan pengaplikasian ICT terutamanya internet sangat tinggi (Norizan et al, 2006). ICT menjadi pemangkin kepada masyarakat bermaklumat dan secara tidak langsung dengan adanya masyarakat bermaklumat negara akan berdaya saing di dunia global. Walau bagaimanapun, penguasaan ICT masih berada pada tahap yang rendah di kalangan belia terutamanya di kalangan belia luar bandar yang menghadapi masalah jurang digital.

Hasil kajian Unit Penyelidikan Literasi Antarabangsa (UPLA) ke atas amalan ICT yang telah dijalankan terhadap 276 belia pada tahun 2003 dari negeri Perak dan Pulau Pinang mendapati kadar literasi komputer di kalangan belia bandar tinggi sekiranya dibandingkan dengan belia luar bandar. Hasil kajian ini juga memperlihatkan kebanyakan sekolah mempunyai satu atau dua unit komputer dan tidak ada kemudahan makmal komputer yang menjadi medium pendekatan terpenting untuk mendedahkan belia kepada alam ICT. Tidak dapat dinafikan institusi persekolahan memainkan peranan yang penting dalam usaha memupuk jalinan ICT yang berkesan sekali gus dapat mengeluarkan belia yang mempunyai kemahiran dan pengetahuan yang luas, kemahiran berfikir dan inovatif. Peranan ini harus dilihat sebagai pemangkin kepada perubahan belia pada masa hadapan. Jadi, sebagai langkah persediaan penting dalam merealisasikan tanggungjawab ini, institusi ini perlu dimantapkan dari segi latihan dan kursus supaya mereka boleh bertindak sebagai agen perubahan ke arah mempromosikan ICT (Ambigapathy Pandian, 2005).

Usaha merapatkan jurang digital adalah melalui dua elemen penting yang akan memperkasa komuniti dan penjana ilmu iaitu jurang teknologi dan jurang minda. Elemen pertama jurang teknologi – menyediakan infrastruktur komunikasi melalui pelbagai teknologi yang kos efektif dan boleh dicapai. Kedua ialah jurang minda – bagi merapatkan jurang minda, masyarakat di kawasan luar bandar/pedalaman perlu diberi latihan dan kemahiran ICT (celik ICT) melalui program kesedaran (*awareness*), penglibatan (*commitment*), penggunaan (*utilization*) dan memperkasa komuniti (*empowerment*). Kandungan tempatan (*local content*) dan pelbagai aplikasi yang dapat memberi manfaat dan ilmu kepada masyarakat di kawasan luar akan terus di pertingkatkan.

Selain itu, kerajaan telah mengambil beberapa langkah dalam usaha mengatasi masalah jurang digital di kalangan masyarakat. Antara langkah yang diambil ialah menubuhkan pusat Internet Desa, Perpustakaan Desa Siber Ilmu (PDSI), caruman Kumpulan Wang Simpanan

Pekerja (KWSP) untuk tujuan pembelian komputer dan sebagainya. Kementerian Kemajuan Bandar dan Wilayah kini telah mewujudkan program Infodesa dan Internet Desa bagi meluaskan lagi capaian maklumat dan kemudahan kepada masyarakat di kawasan luar bandar.

Kepesatan perkembangan ICT dalam era globalisasi telah mewujudkan laman-laman sesawang dan pengkalan data dalam talian (*online*) dan perkembangan ini memerlukan kemahiran pengguna untuk mencapai dan mengolah maklumat berkenaan (Antonia Hsiu-Chen Lin, 2000). Oleh itu, keperluan asas yang perlu dimiliki oleh belia ialah memiliki pengetahuan dan kemahiran asas ICT yang tidak terhad dan membina penjana budaya pemikir kritis dan kreatif (Mashitah Yaacob dan Maharam Mamat, 2000). Kemahiran dan pengetahuan ICT juga perlu untuk persediaan sosial yang lain seperti berkomunikasi, berinteraksi, bermain dan berhibur di alam maya serta memperolehi maklumat berkaitan dengan pekerjaan.

Geisert dan Futrell (1990) menegaskan kemahiran seperti mengetahui logik komputer bekerja, cara membina dan mengguna perisian serta memprogramkannya, mengetahui kegunaan komputer untuk menyelesaikan masalah dan membantu pengajaran, mengetahui kemampuan komputer dalam urusan perniagaan dan menyedari kesan kemampuan komputer pada masa akan datang kepada masyarakat adalah amat perlu dikuasai. Kepentingan ICT dalam penerangan di atas memungkinkan pembentukan masyarakat yang lebih berpengetahuan, bermaklumat (*information society*) dan terpelajar dapat dibentuk (Azul et. al, 2005).

Ramai di kalangan belia Malaysia dalam kumpulan umur 17 hingga 25 tahun tidak dapat meneruskan pembelajaran mereka disebabkan oleh kelulusan yang tidak begitu baik untuk memasuki IPTA dan IPTS. Kumpulan belia ini juga tidak berpeluang untuk mengikuti pembelajaran secara formal kerana mereka perlu bekerja dan membantu keluarga. Ramai juga yang harus melupakan hasrat belajar kerana berkahwin dan berpindah tempat. Dengan adanya akses kepada ICT yang lebih baik kumpulan ini boleh meneruskan pengajian dan menaikkan

nilai kebolehpasaran mereka. Kumpulan belia ini jugalah yang akan menjadi kumpulan kerja berpengetahuan di masa akan datang dan pemimpin negara.

Di abad ke-21 ini, untuk menguasai bidang teknologi maklumat dan komunikasi (ICT) contohnya, golongan belia perlu memberi perhatian dalam membentuk sebuah generasi yang mengutamakan pembelajaran, kemahiran dan berinovasi. Pengenal beberapa konsep seperti konsep Organisasi Pembelajaran (*Learning Organisation*), Pembelajaran Sepanjang Hayat (*Life-Long Learning*), dan K-Worker (*K-Based Economy*) dengan jelas menunjukkan betapa pentingnya meningkatkan ilmu, kemahiran dan inovasi melalui nilai-tambah ilmu (*value-added knowledge*). Generasi internet atau *Net generation* yang terdiri daripada golongan muda hari ini akan menguasai masyarakat pada masa depan (Samsudin A. Rahim, 2005). Generasi belia harus sedar bahawa dunia kini sedang mengalami perubahan pesat akibat daripada globalisasi serta kemajuan teknologi maklumat dan komunikasi. Setiap pencapaian atau kemajuan memerlukan tahap pengetahuan, inovasi, kemahiran dan kreativiti yang lebih tinggi. Apa yang perlu ialah persiapan untuk menerima dan melibatkan diri sepenuhnya dengan peraturan baru ini.

Perkembangan pesat dalam bidang ICT menjadikan kos komunikasi dan pengangkutan lebih murah serta dapat bergerak dengan pantas. Internet, emel, laman web dan alat komunikasi lain seperti telefon selular, mesin faksimili dan satelit merupakan keperluan harian yang membolehkan kita berkomunikasi dengan warga dunia dengan mudah, cekap dan segera. Fakta ini memerlukan belia meningkatkan keupayaan untuk menerima dan menyerap teknologi yang sentiasa berubah ini untuk sentiasa berada di hadapan. Ledakan ICT yang pantas perlu seiring dengan perkembangan masyarakat yang bermaklumat.

2.3 Modal Insan

Modal insan yang diperkenalkan oleh Perdana Menteri Datuk Seri Abdullah Hj. Ahmad Badawi memberikan pengiktirafan impak besar kepada golongan belia. Oleh itu, dalam Rancangan Malaysia Kesembilan (RMK-9) penekanan kepada modal insan dan ICT menjadi keutamaan. Perancangan merancang pembangunan ICT, seperti meluaskan konsep Multimedia Super Corridor (MSC) ke Melaka dan Johor akan menyumbangkan kepada pembangunan belia dan usahawan muda ICT dan ini juga akan membantu mengurangkan migrasi belia dari kawasan luar bandar ke bandar besar.

Peruntukan terbesar telah diberi kepada sektor pendidikan iaitu hampir satu perempat daripada peruntukan mengurus dalam tahun 2005. Perbelanjaan mengurus sebanyak RM16.3 bilion disediakan bagi Kementerian Pelajaran dan 5.2 bilion ringgit bagi Kementerian Pengajian Tinggi. Beberapa program memantapkan sistem pelajaran telah diteruskan termasuk Program Pengajaran dan Pembelajaran Sains dan Matematik dalam Bahasa Inggeris, perluasan program ICT melalui projek pengkomputeran dan Schoolnet. Institusi baru yang bakal beroperasi mulai tahun 2005 termasuk 85 buah sekolah menengah, 45 buah sekolah rendah, 7 buah sekolah berasrama penuh dan 32 buah asrama baru.

Bagi memenuhi keperluan peralihan strategik dalam industri, enrolmen di peringkat diploma akan dipertingkatkan. Ini termasuk enrolmen pelajar vokasional dan teknik di Politeknik, Kolej Komuniti, Institusi Latihan Perindustrian, Institut Kemahiran Mara dan Institut Kemahiran Belia Negara. Sebanyak 670 juta ringgit telah disediakan bagi membina institusi baru. Di samping itu, 248 juta ringgit telah disediakan bagi menaiktaraf kemudahan sedia ada. Untuk meningkatkan jumlah pelajar lepasan sekolah menengah berpeluang mengikuti latihan kemahiran, kerajaan bakal mengoptimumkan kemudahan sedia ada. Sebanyak 190 juta ringgit telah diperuntukkan bagi tahun 2005. Program dua syif bakal dijalankan di Politeknik, Institut Latihan Perindustrian, Kolej Komuniti dan Institut Kemahiran Mara. Kerajaan juga telah

mengenal pasti 30 ribu tempat tambahan bagi tempoh tiga tahun. Selain dari itu, Program Pembangunan Kemahiran Teknikal dan Peningkatan Kemahiran Perindustrian bakal dilaksanakan oleh Pusat Pembangunan Kemahiran Negeri. Pelaksanaan program ini bakal membantu mengatasi masalah bekalan tenaga kerja mahir. Secara purata seramai 4,000 pelajar telah ditaja untuk melanjutkan pelajaran di luar negeri setiap tahun oleh agensi utama seperti Jabatan Perkhidmatan Awam, MARA, Petronas dan Bank Negara Malaysia.

Kerajaan juga telah menambah bilangan tempat bagi pelajar tajaan MARA luar negeri di bawah Skim Pelajar Cemerlang daripada 700 kepada 1,000 pelajar setiap tahun. Di samping itu, Khazanah Nasional bakal menaja 100 pelajar cemerlang untuk melanjutkan pelajaran di universiti terkemuka luar negara dalam subjek teknikal dan profesional. Program ini bermatlamat untuk memilih dan membimbing kerjaya mereka yang akan memimpin Syarikat Berkaitan Kerajaan atau "*Government Linked Companies*" (GLC) kelak. Ini akan meninggikan lagi keupayaan dan kualiti pengurusan syarikat GLC.

Program memperkasakan belia juga bakal dilaksanakan dengan fokus diberi kepada meningkatkan pengetahuan, kemahiran vokasional dan keusahawanan serta menggalakkan interaksi sosial dan gaya hidup sihat. Selain dari itu, tumpuan adalah ke atas program menanam nilai murni dan membentuk kepimpinan berkualiti. Semangat jati diri, tabah dan patriotik merupakan ciri penting yang harus dimiliki oleh setiap belia.

Hasil pelbagai usaha dan program yang dirancang mampu menaikkan kebolehpasaran belia khususnya belia luar bandar seperti Felda dalam arus globalisasi.

2.4 Syarikat ICT di bawah Felda

2.4.1 Profil Korporat - Felda Prodata Systems Sdn. Bhd.

Felda Prodata Systems Sdn. Bhd. (Prodata) ditubuhkan pada 1 Julai 1986 merupakan anak syarikat Felda yang memberi perkhidmatan dan latihan berkaitan ICT kepada Felda dan juga pelanggan lain. Pada mulanya syarikat ini menyediakan perkhidmatan komputer kepada Kumpulan Felda atau dikenali sebagai Lembaga Kemajuan Tanah Persekutuan (LKTP) dan kemudian kepada semua anak syarikatnya. Pada tahun 1991, Prodata mengembangkan sayapnya melalui pemasaran peralatan dan perisian komputer dan bukan sahaja kepada agensi kerajaan tetapi juga kepada sektor korporat dan perkhidmatan. Misi Prodata Systems Sdn. Bhd. juga adalah untuk menjadi pilihan utama kepada pelanggan dalam menyediakan perkhidmatan ICT bagi meningkatkan perniagaan, pengurusan dan pentadbiran mereka. Syarikat ini juga menjalankan urusan dalam membekalkan sistem komputer yang lengkap dan memfokuskan semua kekuatan kepada enam aktiviti penting iaitu pembangunan aplikasi dan sistem integrasi, penyelesaian rangkaian kerja termasuk internet dan EDMS, pembangunan aplikasi multimedia, latihan ICT – SLG – MLVK, sijil Multimedia dan penyelenggaraan komputer dan juga sistem automasi.

2.4.2 Pelanggan Prodata.

Rangkuman besar pelanggan-pelanggan syarikat ini termasuklah daripada pelbagai kementerian dan jabatan-jabatan kerajaan. Di antara pelanggan-pelanggan Prodata adalah seperti Kementerian Pertahanan (MINDEF), Felda dan syarikat-syarikat Kumpulan Felda, Malaysia International Shipping Corporation (MISC), Jabatan Perdana Menteri, Bank Negara, Kementerian Pelajaran, Ministry of Land and Cooperative Development, Dewan Bandaraya Kuala Lumpur, Bank Pertanian Malaysia, Kementerian Perusahaan Perladangan & Komoditi, Tenaga Nasional Berhad (TNB), Universiti Pendidikan Sultan Idris, Universiti Teknologi Petronas, Kementerian Kewangan, Majlis Amanah Rakyat (MARA), Jabatan Kesenian, Baitulmal, Universiti Kebangsaan Malaysia, RISDA, Bank Rakyat, Lembaga Hasil Dalam Negeri, Jabatan

Perkhidmatan Awam, Kuasa Pembangunan Perikanan, Hospital Universiti Kebangsaan Malaysia, Universiti Teknologi Mara, Universiti Malaya, Jabatan Penjara dan juga SIRIM.

2.4.3 Produk dan Perkhidmatan.

Syarikat Prodata Systems Sdn. Bhd. menyediakan pelbagai produk dan juga perkhidmatan. Antara produk dan perkhidmatannya adalah seperti rekabentuk rangkaian, penjualan & khidmat penyelenggaraan komputer, latihan ICT, sistem integrasi, aplikasi rekabentuk web, multimedia, internet & intranet, aplikasi “*imaging*”, carta aliran & ERM/COLD, merekabentuk aplikasi automasi perindustrian (proses kawalan kilang), bangunan bijak.

Produk urusniaga syarikat ini adalah seperti Acer, Compaq, Dell, HP, Edpson, Iomega, Seagate, CISCO, 3Com, Symantec, SAP, IXOS, Macromedia, Adobe, Norton, Kofax Ascent Capture, PK Elektronik dan juga Intel. Kesimpulannya, FELDA telah menganjurkan dan menjalankan banyak aktiviti-aktiviti dan program untuk pembangunan masyarakat FELDA untuk maju selaras dengan Wawasan 2020 baik dari segi pembangunan setempat tetapi pembangunan minda dan kualiti pendidikan juga.

BAB 3

METODOLOGI KAJIAN

3.1 Pengenalan

Bab ini akan membincangkan objektif dan persoalan kajian dan akan memperincikan maklumat kawasan kajian yang telah dipilih sebagai skop kajian. Kawasan kajian yang dipilih adalah melibatkan kawasan penempatan Felda seluruh Semenanjung Malaysia. Pendekatan yang digunakan adalah berbentuk tinjauan menggunakan soal selidik.

3.2 Maklumat Lokasi

Bagi menjayakan kajian ini, sebanyak 10 kawasan Felda berdasarkan kepada proses persempelan secara rawak. Ini berdasarkan mengikut zon iaitu zon tengah yang terdiri daripada negeri Pahang dan Negeri Sembilan. Zon utara diwakili oleh negeri Kedah, Perlis dan Perak dan zon selatan iaitu negeri Johor. Tanah Rancangan Felda terbabit ialah Felda Palong 3, Felda Pasir Besar, Felda Chuping, Felda Bukit Tangga, Felda Palong Timur, Felda Kota Gelanggi 2, Felda Bukit Goh, Felda Selancar 1, Felda Trolak Utara dan Felda Mempaga 2. Sebuah lagi kawasan yang digunakan bagi mengumpul data kajian ialah Kolej Universiti Lim Kok Wing. Responden yang digunakan di Kolej Universiti Lim Kok Wing ini ialah belia-belia Felda yang melanjutkan pelajaran di sana.

Jadual 3.1

Senarai Rancangan yang Terpilih untuk Diedarkan Borang Soal Selidik

BIL	WILAYAH	RANCANGAN	NEGERI
1	Alor Star	Bukit Tangga	Kedah
2	Alor Star	Chuping	Perlis
3	Trolak Utara	Trolak	Perak
4	Raja Alias	Palong Tiga	Negeri Sembilan
5	Raja Alias	Pasir Besar	Negeri Sembilan
6	Segamat	Palong Timur	Johor
7	Mempaga	Mempaga 2	Pahang
8	Kuantan	Selancar 1	Pahang
9	Jengka	Kota Gelanggi 2	Pahang
10	Jengka	Bukit Goh	Pahang
11	Lim Kok Wing Universiti Kolej	Pusat Latihan yang Menempatkan Belia Felda yang Ditaja oleh Felda	Selangor

3.4.1 Felda Pasir Besar

Felda Pasir Besar yang terletak di Negeri Sembilan merupakan sebuah kawasan Felda getah dan sawit. Ia berkeluasan 2,067.97 hektar. Sebanyak 90% rumah telah diduduki dengan saiz 2 kilometer persegi bagi setiap rumah. Majoriti peserta bagi Tanah Rancangan Pasir Besar ini terdiri daripada orang Melayu, 1% kaum India dan 5% lagi ialah pendatang Indonesia yang bekerja sebagai pekerja ladang. Kesemua peserta Tanah Rancangan ini terdiri daripada pekebun kelapa sawit dan getah. Boleh dikatakan semua peserta Felda ini beragama Islam dan purata hidup mereka berada di tahap sederhana.

Terdapat kemudahan ICT yang telah disediakan oleh pihak pengurusan Felda Pasir Besar. Sebuah kafe siber disediakan bagi kemudahan penduduk, terutamanya para pelajar sekolah dan belia Felda. Selain itu, terdapat juga kelas latihan yang dianjurkan khusus untuk belia Felda dan warga emas iaitu Pusat Giat MARA dan latihan daripada pihak JKK yang dianjurkan sekali seminggu.

3.4.2 Felda Palong 3

Felda Palong Timur terletak di Negeri Sembilan dengan berkeluasan 1825 hektar. Terdapat sebanyak 3000 peserta dan keluarga di Tanah Rancangan Palong Timur ini. Terdapat 427 keluarga Melayu, 48 keluarga Cina, 37 keluarga India yang menetap di Felda Palong 3 ini. Selain itu seramai 77 orang pendatang dari Indonesia telah dibawa masuk ke Felda ini oleh sebuah anak syarikat Felda iaitu Syarikat Teknoplant.

Terdapat 477 peserta Tanah Rancangan ini terdiri daripada pekebun kecil sawit manakala 35 peserta lagi terdiri daripada pekebun getah. Semua peserta Felda terdiri daripada masyarakat Melayu dan beragama Islam. Taraf hidup masyarakat pula ialah pada tahap sederhana dengan pendapatan RM 850 sebulan.

Tiada kemudahan ICT seperti kafe siber, kelas internet dan kelas latihan ICT yang disediakan untuk kegunaan masyarakat Felda Palong 3 ini. Kemudahan internet hanya terdapat di rumah-rumah persendirian dan untuk kegunaan sendiri.

3.4.3 Felda Trolak Utara

Felda Trolak Utara yang terletak di Sungkai, Perak adalah berkeluasan 5041 hektar. Ianya telah wujud sejak 30 tahun dahulu. Felda ini menempatkan kira-kira 475 peserta rancangan. Komposisi etnik yang mendiami kawasan Felda Trolak Utara ini ialah 450 keluarga Melayu (94.7%), 15 keluarga India (3%) dan 1 keluarga Cina (0.2%). Terdapat juga pendatang dari Indonesia yang dibawa masuk oleh anak syarikat Felda iaitu FASSB, untuk tujuan penanaman semula kelapa sawit.

Majoriti masyarakat di Felda Trolak Utara ini beragama Islam. Taraf hidup mereka pula berada pada tahap yang sederhana dan bergantung kepada penanaman kelapa sawit.

Antara kemudahan ICT yang terdapat di Felda Trolak Utara ialah sebuah Pusat Komunikasi dan Multimedia yang dibuka kepada semua penghuni Felda. Selain itu, kelas ICT juga disediakan dan dikelolakan di Pusat Latihan Trolak. Pusat Latihan Trolak merupakan sebuah institusi di bawah pengawasan Felda bagi memberikan latihan kemahiran kepada belia Felda. Terdapat juga kafe siber di Felda ini, selain daripada talian internet persendirian.

3.4.4 Felda Selancar 1

Felda Selancar 01 terletak di Rompin, Pahang. Ia berkeluasan kira-kira 50km persegi. Penghuni Felda Selancar 01 ini berjumlah kira-kira 2000 orang dan taburan penduduk di sini adalah terancang. Komposisi masyarakat di sini pula ialah sebanyak 90% masyarakat Melayu, 1% masyarakat Cina dan 3% masyarakat India, manakala baki 6% lagi ialah masyarakat pendatang yang datang bekerja di sini sebagai pekerja ladang. Ekonomi utama masyarakat di sini ialah berkebun kelapa sawit. Manakala agama penduduk di Felda ini ialah Islam, Hindu dan Buddha. Taraf hidup masyarakat Felda Selancar 01 ini ialah sederhana.

Kemudahan ICT yang tersedia di Felda Selancar 01 ini ialah seperti Latihan ICT dari pihak pengurusan Felda dan juga talian-talian internet peribadi. Manakala kemudahan kafe siber, teknologi tanpa wayar dan kelas ICT tidak disediakan di sini.

3.4.5 Felda Kota Gelanggi 2

Felda Kota Gelanggi 02 yang berkeluasan 2075 hektar terletak di daerah Jerantut, Pahang. Penempatan di Felda ini berbentuk terancang dan tersusun. Komposisi etnik di Felda Kota Gelanggi 02 ialah 91.55% masyarakat Melayu, 0.72% masyarakat Cina, 6.27% masyarakat India manakala bakinya sebanyak 1.46% ialah pendatang daripada negara Indonesia. Masyarakat Felda Kota Gelanggi 02 menjadikan perusahaan kelapa sawit sebagai kegiatan ekonomi utama mereka. Masyarakat di sana rata-rata beragama Islam, di samping beragama Hindu dan Buddha. Taraf hidup masyarakat di sini pula adalah sederhana.

Di Felda Kota Gelanggi 02 ini, kemudahan ICT hanyalah disediakan kepada pelajar sekolah sahaja. Ini berkemungkinan mereka masih menuntut dan memerlukan bahan untuk belajar dan menyiapkan kerja-kerja sekolah. Tiada kemudahan ICT yang lain disediakan seperti kafe siber, teknologi tanpa wayar, kelas ICT dan sebagainya.

3.4.6 Felda Bukit Goh

Felda Bukit Goh terletak di daerah Kuantan, Pahang. Felda ini merupakan sebuah penempatan terancang dengan jumlah penduduk seramai 3000 orang. Keluasan Felda ini ialah 7000 hektar. Komposisi etnik yang terdapat di Felda Bukit Goh ini ialah 90% masyarakat Melayu, 5% masyarakat India dan 5% masyarakat pendatang. Tiada masyarakat Cina yang menetap di kawasan tanah rancangan ini. Masyarakat Felda Bukit Goh ini menjadikan kegiatan perusahaan kelapa sawit sebagai kegiatan ekonomi utama mereka. Masyarakat di sini majoriti beragama Islam dan sebahagian kecil Hindu. Taraf hidup masyarakat di sini pula ialah sederhana sahaja.

Antara kemudahan ICT yang disediakan di kawasan penempatan Felda Bukit Goh ini ialah kafe siber. Selain itu, terdapat juga penggunaan internet persendirian di kalangan penduduk di felda ini. Namun begitu, tiada kemudahan ICT seperti kelas internet, teknologi tanpa wayar dan latihan ICT yang ditawarkan oleh pihak JKKK dan pengurusan Felda untuk kegunaan penghuni di Felda ini.

3.4.7 Felda Mempaga

Felda Mempaga 2 ini terletak di daerah Bentong, Pahang. Keluasannya ialah 121.9 hektar dan merupakan sebuah penempatan yang tersusun. Penghuni felda ini ialah sebanyak 2650 orang ataupun 21.739 orang per hektar. Komposisi etnik di Felda ini ialah 200 keluarga Melayu dan 1 keluarga India. Tiada masyarakat Cina dan India yang tinggal di Felda Mempaga 2 ini. Masyarakat di sini menjadikan perusahaan kelapa sawit sebagai kegiatan ekonomi utama mereka. Taraf hidup masyarakat adalah sederhana dan majoriti masyarakatnya beragama Islam.

Mengenai kemudahan ICT yang disediakan, hanya talian-talian internet peribadi sahaja yang boleh didapati di sesetengah kediaman. Penggunaan dan kemudahan ICT yang lain tidak ada disediakan seperti kemudahan kafe siber, teknologi tanpa wayar dan kelas internet.

3.4.8 Felda Bukit Tangga

Felda Bukit Tangga terletak di utara tanah air iaitu di daerah Changlun, Kedah. Felda Bukit Tangga ini diwujudkan pada tahun 1983 dan kini sudah berusia 23 tahun. Felda ini berkeluasan 1496.56 hektar dengan jumlah peneroka sebanyak 376 orang. Kegiatan ekonomi utama di sini ialah perusahaan getah dan taraf hidup masyarakat adalah sederhana. Komposisi masyarakat di sini terdiri dari golongan pendatang Siam dan orang tempatan berbangsa Melayu. Majoriti masyarakat adalah beragama Islam dan Buddha.

Mengenai kemudahan ICT, tiada maklumat kemudahan ICT yang lengkap diperolehi. Tiada kemudahan kafe siber, teknologi tanpa wayar, kelas internet dan sebagainya yang disediakan oleh pihak pengurusan JKKK.

3.4.9 Felda Palong Timur

Felda Palong Timur terletak di selatan Malaysia iaitu di daerah Segamat, Johor. Felda Palong Timur ini merangkumi 3 tiga kawasan Felda iaitu Felda Palong Timur 1, Felda Palong Timur 2 dan Felda Palong Timur 3. Jumlah peneroka di kawasan Felda Palong Timur ini adalah seramai 602 orang. Felda ini mempunyai demografi yang bersaiz besar di mana kepadatan dan taburan penduduknya adalah seramai 4 ribu orang. Etnik Melayu yang beragama Islam merupakan etnik majoriti yang mendiami kawasan ini. Taraf hidup masyarakat di kawasan Felda ini adalah sederhana. Selain daripada itu, pekerja dari negara luar seperti Indonesia dan Bangladesh di ambil dan di upah untuk bekerja di Felda ini. Dari perspektif sosio-ekonomi, penduduk di Felda ini menjalankan kegiatan ekonomi perladangan kelapa sawit.

Mengenai kemudahan ICT, talian internet untuk penduduk mengakses internet adalah terhad di mana kafe siber yang sedia ada juga adalah terhad. Kelas internet ada diajar di kebanyakan sekolah-sekolah rendah dan menengah. Latihan ICT daripada JKKK ataupun pengurusan Felda ada dilancarkan di mana KEMAS ditubuhkan. Teknologi teknologi tanpa wayar tidak diimplementasikan lagi di kawasan Felda ini.

3.4.10 Felda Chuping

Felda Chuping terletak di bahagian utara Malaysia iaitu di Padang Besar, Perlis. Jumlah peneroka di kawasan Felda Chuping ini adalah seramai 422 orang. Felda ini mempunyai demografi yang bersaiz sederhana besar di mana kepadatan dan taburan penduduknya adalah seramai 5821 ribu orang. Majoriti etnik Melayu yang beragama Islam merupakan etnik yang mendiami kawasan Felda ini. Taraf hidup masyarakat di kawasan Felda ini adalah sederhana. Selain daripada itu, pekerja ladang dari negara luar iaitu dari negara Thailand diambil dan di upah untuk bekerja di Felda ini. Dari perspektif sosio-ekonomi, penduduk di Felda ini menjalankan kegiatan ekonomi perladangan tebu.

Mengenai kemudahan ICT, talian internet untuk penduduk mengakses internet adalah terhad di mana kafe siber juga tidak ditubuhkan. Kebanyakan penduduk di kawasan Felda ini mempunyai akses ke internet di rumah mereka. Kelas komputer ada diajar di Medan Infodesa Daerah anjuran Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah. Kursus Automasi Aplikasi Pejabat seperti *Microsoft Office* dan juga internet dijalankan selama tiga minggu untuk belia dan juga masyarakat Felda umumnya. Teknologi tanpa wayar tidak diimplementasikan lagi di kawasan Felda ini.

3.3 Sampel Belia

Sampel responden kajian yang telah digunakan dalam kajian ini adalah terdiri dari golongan belia yang berumur antara 17 hingga 25 tahun. Meskipun takrifan belia bagi kerajaan Malaysia adalah mereka yang berumur antara 15 hingga 40 tahun, skop umur belia yang dipilih berdasarkan beberapa kriteria yang telah dikenalpasti. Antara kriteria-kriteria tersebut adalah;

- i. Golongan belia ini (berusia lingkungan 17 hingga 25 tahun) merupakan golongan belia remaja yang rata-ratanya terdiri dari kumpulan yang telah menamatkan alam persekolahan. Jadi, antara perkara yang perlu dilakukan oleh golongan ini adalah membuat keputusan untuk meneruskan pelajaran ataupun memasuki alam pekerjaan.
- ii. Golongan belia kedua ialah terdiri dari golongan belia institusi pengajian tinggi atau penuntut. Golongan ini terdiri daripada penuntut yang berada di institusi pengajian tinggi dan lepasan sekolah menengah. Pada peringkat ini, golongan ini perlu meningkatkan penguasaan ilmu dan mempunyai ciri-ciri yang diperlukan untuk memasuki alam pekerjaan. Antara ciri-ciri yang diperlukan oleh majikan-majikan di Malaysia seperti mempunyai kebolehan dan kemahiran interpersonal yang baik, personaliti dan akhlak yang baik, mahir ICT dan kebolehan berkomunikasi (Norizan et. al, 2006). Golongan ini mula memasuki alam lebih bebas daripada kawalan ibu bapa mahupun peraturan sekolah.
- iii. Kriteria ketiga adalah merupakan golongan belia awal pekerjaan. Golongan ini perlu didedahkan dengan pelbagai peluang memajukan diri dalam bidang yang diceburi. Galakan menambahkan kemahiran yang telah dipelajari selain meningkatkan keupayaan melakukan pekerjaan perlu untuk golongan ini dapat menimba pengalaman yang diperlukan.
- iv. Kriteria ketiga adalah merupakan golongan belia industri. Sektor industri kini menyediakan peluang kerja yang tinggi di Selangor. Belia perlu diberi peluang meningkatkan kemahiran sendiri dari perbagai aspek antaranya ICT yang mana merupakan kemahiran yang penting dalam arus pembangunan modal insan. Gerakan

dan usaha memulihkan imej pekerja industri perlu diutamakan dengan meletakkan mereka pada posisi yang lebih baik daripada segi nama dan kehidupan sosial mereka.

Ke empat-empat kriteria di atas merupakan faktor yang menentukan penyelidik memfokuskan jarak umur belia antara 17 hingga 25 tahun untuk dijalankan sampel kajian ini. Pada waktu transesi ini, penelitian tahap keperluan dan kebolehan ICT di kalangan belia wajar dilakukan kerana golongan ini dalam proses menyediakan diri mereka ke alam pekerjaan ataupun meneruskan pengajian mereka. Jadi, hasilnya akan dapat dilihat adakah belia Felda ini memenuhi tahap keperluan pembangunan dan kemajuan negara serta memenuhi kebolehpasaran diri mereka.

Responden yang dipilih dalam menjayakan kajian ini ialah golongan belia Felda yang berusia di antara 17-25 tahun. Belia yang dipilih adalah secara rawak dan tidak diambil kira faktor pekerjaan, pendidikan mahupun taraf hidup. Hanya belia di antara usia 17 dan 25 tahun sahaja yang layak untuk menjawab borang soal-selidik yang disediakan ini.

Berdasarkan data yang telah dianalisis, bilangan responden lelaki ialah sebanyak 231 orang atau 54.2% manakala bilangan responden perempuan pula ialah 195 orang atau 45.8%. Jumlah keseluruhan responden yang telah menjawab borang soal-selidik ini ialah sebanyak 426 orang belia Felda.

3.4 Instrumen Kajian

Satu soal selidik yang dibina oleh Norizan, Nik Hairi dan Mohd Azul (Norizan, Azul, Nik Hairi, 2004) telah digunakan untuk mengkaji kesediaan belia Felda menggunakan teknologi maklumat. Instrumen ini telah disah secara muka dan kesahan kandungan dan nilai kebolehpercayaanya ialah 0.7-0.9. Instrumen ini ditakbir secara semuka dan ujian pengetahuan

ini akan dijalankan serentak dengan pengisian borang soal selidik. Pengedaran soalselidik dilakukan dengan 2 cara iaitu secara bersemuka dan bahagian ujian yang telah dilakukan di dalam dewan. Responden telah dipanggil ke satu dewan di kawasan yang dipilih untuk menjawab soalselidik kajian ini. Tiada had masa ditetapkan untuk menyempurnakan ujian ini. Majoriti responden menyudahkan ujian ini dalam masa antara 30 hingga 40 minit.

Instrumen ini mempunyai 4 bahagian. Bahagian A ialah maklumat latar belakang belia yang merangkumi 13 soalan seperti latar belakang responden, pemilikan komputer serta tahap sosioekonomi mereka. Bahagian B mempunyai 3 soalan yang meliputi tahap pendidikan awal berkaitan komputer di kalangan belia Felda. Soalan-soalan dalam bahagian ini berkaitan dengan institusi dan kursus yang ditawarkan kepada kepada belia luar bandar seperti belia Felda. Bahagian C soal selidik mengandungi sejumlah 25 item disenaraikan dan diuji menggunakan skel likert, ini termasuklah persepsi pelajar mengenai kebolehan dalam menggunakan arahan-arahan penting perisian seperti arahan *cut and paste, copy, insert, save as, delete, manage, allign, format, dan sebagainya*. Sila lihat Lampiran B – Instrumen Kajian.

Bahagian D ialah ujian pengetahuan ICT yang mempunyai 5 topik soalan berkenaan pengetahuan ICT. Ujian ini mengandungi 50 soalan objektif yang masing-masing terdiri daripada 10 soalan asas Word, Powerpoint, Excel dan internet dan emel. Soalan-soalan ini pada asasnya berkait dengan pengetahuan asas mengenai fungsi perisian atau arahan-arahan penting bermula daripada pengetahuan mengenai peranti input sehinggalah kepada pengetahuan mengenai penggunaan arahan seperti *drawing, picture, insert, table and layout, printing, spelling and grammar, assistant, header and footer(word); inserting data, autosum, function fx, chart wizard, allign etc. (Excel); creating slide, slide master, background, sound, picture etc (powerpoint); dan using newsgroup, help and assistance, url, search, keyword, bookmarks and composing emel (internet/emel)*. Masa 30 hingga 40 minit diperuntukkan bagi menjawab semua set soalselidik dan membuat ujian dalam bahagian D.

Topik 1	Komputer, grafik dan multimedia
Topik 2	Internet
Topik 3	Ms Word Fundamental
Topik 4	MS Powerpoint
Topik 5	Ms Excel

Ujian pengetahuan ini telah dibina berdasarkan tahap minima piawai kemahiran ICT Universiti Kebangsaan Malaysia. Penggunaan instrumen ini dapat mengenalpasti tahap literasi komputer belia dan program latihan dan kesediaan menggunakan ICT dapat dibangunkan dan ditawarkan kepada mereka berdasarkan penilaian ini.

3.5 Cara Pemarkatan

Alat ujian ini menggunakan skala binari dengan dua pilihan jawapan iaitu ya dan tidak. Bagi item pemilikan komputer, penggunaan internet, kursus komputer, persepsi pengetahuan ICT dan minat mempelajari komputer menggunakan skala binari dengan dua pilihan jawapan iaitu ya dan tidak. Bagi 35 item persepsi tahap kebolehan pengaplikasian perisian atau peralatan komputer di kalangan belia Felda menggunakan skala likert dengan lima pilihan jawapan iaitu sangat sangat terhad, terhad, sederhana, baik dan sangat baik. Manakala bagi 35 item persepsi keperluan latihan di kalangan belia Felda pula menggunakan skala binari dengan empat pilihan jawapan iaitu saya tidak berminat, saya tidak memerlukan latihan kebolehan sudah memadai, saya mungkin memerlukan latihan dan saya memang memerlukan latihan yang mencukupi.

Petunjuk: Skala likert persepsi tahap kebolehan pengaplikasian perisian atau peralatan komputer

Item	Skala Likert
Sangat terhad	1
Terhad	2
Sederhana	3
Baik	4
Sangat baik	5

Petunjuk: Skala likert persepsi keperluan latihan responden

Item	Skala Likert
Saya tidak berminat	1
Saya tidak memerlukan latihan kebolehan sudah memadai	2
Saya mungkin memerlukan latihan	3
Saya memang memerlukan latihan yang mencukupi	4

3.6 Proses Pengedaran Borang Soal-Selidik

Sebelum borang soal-selidik diedarkan, pihak Pusat Kajian E-Komuniti telah melantik beberapa orang pembantu penyelidik yang bertanggungjawab mengumpul data-data daripada kawasan-kawasan Felda yang terpilih. Pembantu-pembantu penyelidik ini dihantar ke kawasan yang telah diarahkan dan mengedarkan borang soal-selidik kepada para responden. Sebanyak 30 buah borang soal-selidik dibekalkan kepada para pembantu penyelidik bagi setiap kawasan Felda.

Setelah mendapatkan responden yang sesuai iaitu golongan belia yang berusia di antara 17-25 tahun, para pembantu penyelidik telah mengutip borang-borang soal-selidik dan ianya telah dibawa pulang ke Pusat Kajian E-Komuniti, di mana data-data tersebut telah dimasukkan dan dibersihkan menggunakan perisian SPSS versi 12. Setelah itu, data-data tersebut telah dianalisa oleh pembantu penyelidik.

3.7 Interpretasi Data

Analisis data dalam kajian ini akan menggunakan program “*Statistical Package for Social Sciences*” (SPSS versi 12) bagi memperolehi keputusan secara deskriptif dan inferensi. Untuk melihat taburan skor secara deskriptif, nilai, min dan peratus digunakan. Pengujian hipotesis pula dibuat dengan menggunakan beberapa metod statistik inferensi. Analisis korelasi digunakan untuk melihat hubungan di antara pembolehubah-pembolehubah. Selain itu, analisis untuk melihat perbezaan dan hubungan dengan faktor demografi menggunakan analisis Ujian t.